

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(B)71

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

71. Apakah rasional penubuhan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JPKKP) di Negeri Pulau Pinang?
- (a) Berapakah peruntukan tahunan untuk setiap JPKKP?
 - (b) Senaraikan nama pengerusi-pengerusi JPKKP di Pulau Pinang mengikut DUN.

**YB DATO' RASHIDI BIN ZINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

71. Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) memaklumkan, sehingga kini tiada data yang tepat berkaitan pelaksanaan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JPKKP) di Pulau Pinang melainkan terdapat 375 JPKKP di Pulau Pinang setakat sekarang. Hal ini kerana pihak KKDW masih dalam semakan semula / peringkat percubaan untuk dilaksanakan. Di samping itu, JPKKP di Negeri Pulau Pinang tidak dilaksanakan berdasarkan daerah atau Dewan Undangan Negeri (DUN) namun pelaksanaannya menumpu kepada kawasan tertentu

yang mempunyai kemiskinan tegar dalam agenda untuk menoktahkan miskin tegar di Pulau Pinang.